



MOD.100-2/1/2 Jld 7 (45) 06/08

LAWATAN RASMI KE ATAS MENTERI PERTAHANAN MALAYSIA OLEH
TUAN YANG TERUTAMA (TYT) CHAN CHUN SING,
MENTERI PERTAHANAN REPUBLIK SINGAPURA

1. **KUALA LUMPUR, 25 Ogos 2025** – Menteri Pertahanan Republik Singapura, **TYT Chan Chun Sing** telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Menteri Pertahanan Malaysia, YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin di Wisma Pertahanan sempena lawatan rasmi pertama beliau ke Malaysia.
2. Lawatan ini menandakan satu pencapaian penting dalam **memperkukuh hubungan erat yang sedia terjalin antara kedua-dua negara jiran melalui pelbagai pengisian diplomatik** yang bermakna. Pertemuan tersebut merangkumi perbincangan yang konstruktif bagi **memajukan kerjasama pertahanan dua hala dan pelbagai hala**. Kedua-dua Menteri menegaskan komitmen bersama untuk **menangani cabaran keselamatan serantau serta mempromosikan keamanan dan kestabilan di seluruh Asia Tenggara**.
3. Seiring dengan Kepengerusian ASEAN oleh Malaysia pada 2025, kedua-dua Menteri menegaskan tekad untuk **meningkatkan kerjasama pertahanan melalui pelaksanaan berkesan pelbagai inisiatif yang akan datang dalam memajukan matlamat bersama demi keamanan dan kestabilan serantau**. Selain itu, Malaysia turut merakamkan penghargaan atas sokongan Singapura terhadap cadangan dan inisiatif yang dibawa serta **menyatakan keyakinan bahawa kesepakatan dapat dicapai dalam platform Mesyuarat Pegawai Kanan Pertahanan ASEAN (ADSOM) dan Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN (ADMM) yang bakal berlangsung**.
4. Singapura turut menyatakan sokongan terhadap usaha Malaysia **dalam meredakan konflik sempadan antara Thailand dan Kemboja, sekali gus mengiktiraf peranan proaktif Malaysia dalam memudah cara dialog serta memperkukuh kestabilan serantau**.
5. Kedua-dua Menteri turut memuji kemajuan yang dicapai di bawah ***Arrangement Between the Government of Malaysia and the Government of The Republic of Singapore for Mutual Submarine Rescue Support and Cooperation***. Mereka mengiktiraf kerjasama erat antara Tentera Laut Diraja Malaysia dan Tentera Laut Republik Singapura yang mencerminkan kesiapsiagaan serta sokongan bersama kedua-dua negara pada masa diperlukan.

6. YB Dato' Seri Mohamed Khaled turut menyatakan kesediaan Malaysia untuk menjadi tuan rumah Mesyuarat ADMM dan ADMM-Plus di Kuala Lumpur pada bulan Oktober tahun ini. Lawatan rasmi oleh Menteri Pertahanan Singapura ini **menzahirkan semangat persahabatan dan setiakawan yang kukuh antara Malaysia dan Singapura**. YB Dato' Seri Mohamed Khaled mengucapkan tahniah kepada TYT Chan Chun Sing atas pelantikan beliau serta menyatakan keyakinan terhadap kejayaan berterusan Singapura di bawah pimpinan Perdana Menteri Lawrence Wong.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia
25 Ogos 2025